



باچوقا

BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM

Kelantan Dihatiku

كلنتن سجهترو اونفوق اسلام



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM

16300 BACHOK, KELANTAN DARUL NAIM.
TEL : 09 – 77 87 636 FAX : 09 – 77 89 533
www.mdbachok.gov.my

E - mail : info@mdbachok.gov.my / mdbachok@kelantan.gov.my



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

<http://www.kelantan.gov.my>

Merakyatkan Membangun Bersama Islam

KEBERKATAN | KEMAKMURAN | KEBAJIKAN



KELANTAN DIHATIKU

SEKAPUR SIREH

Alhamdulillah dengan penuh takzim kami memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T yang dengan izin Nya dapat kami menyiapkan sebuah buku yang bertajuk “Kelantan Dihatiku (Kelantan Sejahtera Untuk Islam) – Bachok Bandar Pelancongan Islam dalam tempoh masa yang diberikan.

Kerajaan Negeri kini sedang menyediakan prasarana untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri yang sejahtera untuk islam. Bagi merealisasikan hasrat murni ini, kerajaan Negeri Kelantan akan terus memperkasakan institusi agama selaras dengan tuntutan yang terkandung dalam Al-quran.

Pentadbiran kerajaan di negeri Kelantan meletakkan al-quran dan sunnah di tempat tertinggi. Di sebabkan itu, kerja-kerja menjulang agama dilakukan secara berterusan tanpa henti termasuklah dengan penerbitan buku ini.

Oleh itu, kerajaan Negeri Kelantan akan memberikan tumpuan kepada 4 teras yang utama iaitu keberkatan, kemakmuran, kebajikan dan kecekapan bagi mencapai matlamat kerajaan “Kelantan sejahtera untuk Islam”.

Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk memperkenalkan Bachok sebagai salah satu Bandar Pelancongan Islam di Negeri Kelantan. Hal ini kerana masih ramai yang tidak tahu banyak tempat-tempat yang menarik dan bersejarah di kawasan Bachok seperti kubu, industri kecil sederhana, tempat peranginan pantai, pusat agama dan resort.



Dengan terhasilnya buku ini, banyak manfaat yang akan diperolehi contohnya pelancongan domestik di negeri Kelantan akan meningkat. Hal ini kerana, pelancong-pelancong boleh menggunakan buku ini sebagai rujukan untuk melihat tempat-tempat yang menarik di sekitar jajahan Bachok.

Selain daripada itu, dengan adanya buku ini, ia juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat luar seperti pelajar-pelajar universiti tempatan yang ingin membuat kajian tentang Bandar Bachok sebagai Bandar Pelancongan Islam.

Walau bagaimanapun, dalam proses menyiapkan buku ini, terdapat beberapa kekangan yang terpaksa dihadapi dari segi kesuntukan masa dan tenaga.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menyiapkan buku ini. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Perutusan Yang Dipertua MDB-BPI	01
2.	Kata-Kata Aluan Setiausaha	02
3.	Profil Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam	03
	• Sejarah Penubuhan Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam	04
	• Profil Majlis	05
	• Objektif, Visi Dan Misi	06
	• Logo Majlis Daerah Bachok	07
	• Struktur Jabatan Dan Organisasi MDB-BPI	08
4.	Latar Belakang Bachok	11
	• Sejarah Bachok	12
	• Latar Belakang Bachok	13
	• Profil Jajahan Bachok	14
5.	Elemen Pelancongan dan Kebudayaan Tempatan	15
5.1.	Elemen Pelancongan Keagamaan	17
	• Masjid dan Madrasah (Masjid Mahmudi Bachok)	18
	• Pondok Moden Pusat Pengajian Kandis	20
	• Sekolah-Sekolah Agama	22
	• Ketik dan Kuil	27
5.2	Keindahan Pantai	30
	• Pantai Irama	31
	• Pantai Senok	32
	• Pantai Melawi	34
	• Pantai Kemayan	35
	• Pantai Kemasin	36
	• Pantai Kandis	37

MUKA SURAT

5.3	Pengkalan dan Jeti Nelayan	38
	• Pengkalan Petah	39
	• Pengkalan Kemasin	40
	• Pengkalan Kuala Kandis	41
	• Pengkalan Pantai Baharu	42
5.4	Kemudahan Penginapan	43
	• Resort Penginapan	44
	• Chalet Penginapan	45
5.5	Nilai Kebudayaan, Sejarah Dan Warisan	48
	• Kubur Vietnam	49
	• Bukit Marak dan Lagenda Puteri Saadong	51
	• Kubu Tentera Inggeris	55
	• Sekolah Beruk	57
	• Akedemi Nik Rasiddin	59
	• Pasar Jelawat	63
5.6	Keaslian Industri Tradisional	65
	• Pemprosesan Budu	66
	• Manisan Kampung	67
	• Perusahaan Air Tuak	70
	• Perusahaan Atap Singhora	73
	• Laksa Kelantan	76
	• Bahulu	80
	• Perusahaan Ikan Kering	83

PERUTUSAN

YANG DIPERTUA MDB BPI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita sama-sama berganding bahu dalam menyiapkan sebuah Buku Kelantan Dihatiku - Bachok Bandar Pelancongan Islam, saya amatlah berbesar hati dengan adanya buku ini ia akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada Majlis Daerah Bachok ini sendiri, masyarakat dan lain-lain.



Norazmi Bin Berahim
Yang DiPertua, Majlis Daerah Bachok,
Kelantan.

Sekalung penghargaan tahniah dan ucapan terima kasih saya kepada semua kakitangan yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan proses penyediaan buku ini. Saya percaya bahawa terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi semasa menyiapkan sebuah buku yang lengkap ini. Berkat usaha yang gigih dan kerjasama yang utuh akhirnya kita dapat menghasilkan satu lagi bahan ilmiah yang boleh menjadi rujukan asas keistimewaan dan keunikan yang ada di Jajahan Bachok yang kita cintai. Adalah diharapkan agar usaha murni ini diteruskan dengan penghasilan lebih banyak bahan-bahan ilmiah yang berkualiti pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”



Khairul Azwan Bin Khalid
Setiausaha, Majlis Daerah Bachok,
Kelantan.

KATA ALU-ALUAN

SETIAUSAHA



Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Puji dan syukur ke hadirat Ilahi atas kejayaan Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam buat julung kalinya dapat menghasilkan Buku Kelantan Dihatiku- Bachok Bandar Pelancongan Islam.


Saya mengambil kesempatan ini untuk merakam sekalung penghargaan kepada semua warga Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam yang telah bertungkus lumus menyiapkan buku ini.

Begitu juga kepada semua pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak sejak diawal proses sehingga diterbitkan. Mudah-mudahan usaha yang dilakukan ini mendapat redha Allah dan dinilai sebagai amal jariah yang berterusan pahalanya.

Akhir kata, saya dan warga Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam berharap agar buku yang diterbitkan ini dapat memberikan manfaat dalam menyediakan maklumat dan rujukan asas mengenai keunikan Jajahan Bachok sebagai Bandar Pelancongan Islam

Amin ya rabbal a'lamin
Sekian Terima Kasih.

“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”



PROFIL MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM

KELANTAN DIHATIKU

Kelantan Sejahtera Untuk Islam

SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM

Majlis Daerah Bachok ditubuhkan pada 1 Januari 1979 berikutan pemakaian Akta Kerajaan Tempatan 171/76 dan Warta Kerajaan Kn.P.U.8. Majlis Daerah Bachok telah diwartakan sebagai Bandar Pelancongan Islam pada tahun 2010.

Hanya Majlis Daerah Bachok dan Majlis Daerah Kuala Krai sahaja yang awal penubuhan di Kelantan. Sebelum ini, Majlis Daerah Bachok dikenali sebagai Lembaga Tempatan yang merangkumi 2 tempat Lembaga Tempatan iaitu Lembaga Tempatan Bandar Bachok dan Jelawat.

Fungsi utama Majlis Daerah pada permulaannya adalah mengurus organisasi (persekitaran bandar) iaitu merangkumi infranstruktur (longkang, perparitan, jalan-jalan pecah dan berlubang) dan juga dari segi kebersihan bandar.

Selain itu, fungsi utama Majlis Daerah juga adalah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk Bachok terutamanya dengan menyediakan pasar, gerai dan menyediakan susun atur kedai. Ia juga dapat memberikan kemudahan kepada penduduk Bachok.





PROFIL MAJLIS

Jabatan Majlis Daerah Bachok mempunyai 8 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Perbendaharaan, Penilaian dan Pengurusan Harta, Bahagian Perancangan Pembangunan, Pembangunan dan Kejuruteraan, Pelesenan Dan Kesihatan Awam dan Undang-undang.

Bangunan Majlis Daerah meliputi 3 blok yang bertapak di kawasan Majlis Daerah Bachok iaitu blok A, blok B dan juga blok C.

Bangunan Blok A meliputi Bahagian Perbendaharaan, Bahagian Pentadbiran, Penilaian dan pengurusan harta dan Bahagian Perancangan Pembangunan. Seramai 5 orang pekerja di Bahagian Perbendaharaan, 15 pekerja di bahagian pentadbiran, 2 orang pekerja di Bahagian Penilaian dan Pengurusan harta, 4 orang pekerja di Bahagian Perancangan Pembangunan.

Bangunan Blok B pula meliputi bahagian Bahagian Pelesenan yang mengandungi seramai 40 orang pekerja di unit ini. Blok C pula meliputi Bahagian Penguatkuasaan dan Undang-undang. Seramai 8 orang pekerja di Unit Penguatkuasaan manakala seramai 2 orang pekerja di Unit Undang-undang.



OBJEKTIF

- Mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih meluas dan memuaskan.
- Memperteguhkan kewangan majlis sesuai dengan tarafnya sebagai organisasi yang berotonomi kewangan.
- Memperkemaskan jentera pentadbiran majlis supaya menjadi Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan yang berkesan.
- Mempertingkatkan keindahan dan kebersihan kawasan majlis.
- Mempertingkatkan keupayaan majlis dalam merancang dan melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial.
- Memperhebatkan penglibatan masyarakat dalam Program Pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh majlis.

MISI

"Menyuburkan budaya kerja yang cemerlang, teratur dan mesra pelanggan demi keceriaan organisasi."

VISI

"Membina organisasi yang berkualiti berteraskan warganegara yang berdisiplin, amanah dan beretika."



LOGO MAJLIS DAERAH BACHOK



Simbol bulatan bermaksud hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dalam semua aspek.



Simbol masjid bermaksud majoriti penduduk adalah beragama Islam dan amalan cara hidup yang diamalkan adalah berlandaskan Islam.



Perkataan BACHOK berwarna biru dan berbentuk *italic* bermaksud keindahan pantai yang ada di sekitar Bachok.



struktur

JABATAN DAN ORGANISASI MDB-BPI



Organisasi pentadbiran Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam di ketuai oleh Yang Dipertua, kemudian dibantu oleh seorang Setiausaha, serta beberapa bahagian yang ditubuhkan di bawahnya. Antara bahagian-bahagian dan peranan secara ringkas adalah seperti berikut:

1. Jabatan Khidmat Pengurusan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, melibatkan surat menyurat, sistem fail, rekod perkhidmatan kakitangan, urusan rasmi kerajaan, pemilihan peserta kursus dan sebagainya.

2. Jabatan Perbendaharaan

Bahagian ini bertanggungjawab ke atas semua urusan yang berkaitan dengan kewangan dan juga hasil. Ini melibatkan penyediaan buku anggaran belanjawan tahunan, sewaan peralatan, loji dan jentera Majlis, sewa kedai, perbelanjaan gaji, pembelian peralatan pejabat, harta modal dan sebagainya yang merangkumi semua pendapatan dan perbelanjaan.

3. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Bahagian ini bertanggungjawab dalam segala urusan cukai pintu, bermula dari proses menjalankan penilaian, notis cukai pintu, tuntutan caruman bantu kadar, tuntutan tunggakan, mengendalikan kes-kes rayuan cukai dan permasalahan yang timbul berkaitan dengan cukai pintu.





4. Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan

Bahagian ini menguruskan projek fizikal yang melibatkan penyediaan infrastruktur dan pengurusan projek dalaman jabatan

5. Jabatan Perancang Dan Bangunan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam kawalan pembangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis dan urusan pembinaan bangunan baru yang memerlukan kelulusan dari pihak Majlis



6. Unit Teknologi Maklumat

Unit ini bertanggungjawab terhadap merancang dan melaksanakan pembangunan aplikasi/ sistem, menjalankan tadbir urus sistem server dan rangkaian dalaman pejabat di samping mengurus sistem dan aplikasi komputer serta memasti dan memantau kelancaran perkhidmatan MDBBPI dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

7. Jabatan Undang-Undang

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap semua penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh semua bahagian di bawah pentadbiran

8. Jabatan Pembangunan Islam Belia Dan Kebajikan

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap urusan pembangunan Islam serta menguruskan aktiviti belia dan kebajikan kakitangan.

9. Unit Pusat Setempat

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mengelolakan semua jenis permohonan cadangan pemajuan seperti Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Permohonan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landskap.



10. .Jabatan Perlesenan dan Kesihatan Awam


Bahagian ini bertanggungjawab ke atas semua urusan pembangunan, perancangan pembangunan, kebersihan dan keindahan bandar, perkhidmatan mengangkat sampah dan juga terlibat dalam mengendalikan semua jenis permohonan lesen perniagaan yang dikenakan di kawasan Majlis.



LATAR BELAKANG JAJAHAN BACHOK

KELANTAN DIHATIKU

Kelantan Sejahtera Untuk
Islam




Mungkin tidak ramai yang mengetahui tentang pelbagai legenda dan cerita rakyat yang diperturunkan secara lisan sejak zaman berzaman mengenai Pantai Irama, sebuah pantai peranginan yang terletak di Jajahan Bachok iaitu kira-kira 35 kilometer dari bandar Kota Bharu. Kononnya pada zaman dahulu kala terdapat sebuah batu menyerupai seekor burung yang seakan-akan sedang terbang dari laut di tepi pantai sepanjang kira-kira 2 kilometer .

Tempat di mana batu yang dikatakan wujud kini dikenali sebagai Kampung Tok Burong. Masyarakat di sini juga percaya mengenai cerita kononnya wujud sebuah kemudi emas yang timbul dipermukaan air di pantai itu bersama-sama seekor buaya putih. Menurut cerita, buaya putih sakti itu telah mengambil seorang budak perempuan di situ untuk dijadikan anak angkatnya sehingga dewasa. Kerana sayangnya yang tidak terhingga, buaya putih itu sentiasa memberi berupa barang-barang kemas kepada budak perempuan itu.

sejarah

BACHOK

Tempat di mana beraslanya cerita dongeng itu kini dikenali sebagai Kampung Seri Kemudi. Pantai Irama juga menyimpan sejarah pahit tanahair kerana menjadi salah satu tempat pendaratan utama tentera jepun di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Kedua dahulu dan kesan yang masih boleh dilihat ialah beberapa buah kubu tentera inggeris yang masih terdapat di situ.





LATAR BELAKANG BACHOK

Jajahan Bachok terletak di timur Negeri Kelantan dan sempadan di Timur ialah Laut China Selatan, di barat dan utara Jajahan Kota Bharu di selatan serta sebahagian daripada barat pula bersempadan dengan jajahan Pasir Puteh. Kira-kira 35 kilometer daripada Bandar Kota Bharu. Dalam Laporan Jabatan Perangkaan (JP) 2000, Penduduk Jajahan Bachok berjumlah 109,384 orang dan keluasanya 279 kilometer persegi. Terdapat sebanyak 8 daerah dalam jajahan ini dan 54 buah mukim dibawah seorang penghulu.

Sejarah awal Bachok adalah sebuah pekan kecil kira-kira 35 kilometer daripada Kota Bharu yang merupakan kampung nelayan. Pada masa dahulu ramai orang islam yang berhijrah ke kawasan ini dengan penghidupan sebagai nelayan. Mengikut cerita orang tua nama Bachok adalah berasal daripada bahasa siam 'Ban' bererti kampung dan 'chak' bererti jala atau pukat atau pokok 'nipah' bagi menunjukkan kawasan yang banyak pokok nipah dan pencarian penduduk menangkap ikan dan mereka menyebut tempat tersebut "Banchak".

Tetapi mengikut sebutan loghat tempatan yang ringkas menjadi "Banchok". Nama itu digunakan sebagai nama Bandar dan jajahan tersebut hingga sekarang. Jajahan Bachok telah ditubuhkan dan diisytiharkan pada tahun 1932 dan beroperasi di Jalan Pantai Irama sehingga menjadi Jajahan kecil tahun 1949 dengan ketua jajahannya Encik Hashim bin Mohamad dan jajahan penuh pada 1 Januari 1952. Pejabat baru selepas itu terletak berhampiran dengan lebuh raya dan telah dirasmikan pada 22 Muharam 1409 Hijrah bersamaan dengan 4 September 1988 Masihi oleh KDYMM Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra dalam majlis yang gilang gemilang diperkarangan bangunan Pejabat Jajahan Bachok.





Jajahan Bachok berkeluasan 27,951 Hek (279.51km²) atau 1.8% daripada keluasan negeri Kelantan. Bachok terletak di barat Negeri Kelantan, Bersempadan dengan utara Jajahan Kota Bharu. Sebelah barat Laut China Selatan dan berada di sebelah selatan jajahan Pasir Puteh.

Bandar Bachok juga mempunyai aset semulajadi iaitu pesisiran pantai yang cantik sepanjang 32km. Semua tanah di Jajahan Bachok merupakan Kawasan Simpanan Melayu (PTJB, 2005). Bandar Bachok mempunyai 8 Daerah dan 33 Mukim.

PROFIL JAJAHAN BACHOK

ELEMEN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN TEMPATAN

KELANTAN DIHATIKU

Kelantan Sejahtera
Untuk Islam



Kedudukan Jajahan Bachok di sepanjang pesisiran pantai memberi kelebihan dari aspek geografi. Keindahan pesisiran pandai yang masih terpelihara menjadi aset berharga yang memberikan nilai visual yang mampu ditambahnilai sebagai elemen tarikan pelancongan.

Selain itu cara hidup masyarakat yang unik yang didasari dengan cara hidup nelayan tradisional juga memberikan keistimewaan kepada Jajahan ini sebagai salah pusat tumpuan kebudayaan.



ELEMEN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN TEMPATAN


1. ELEMEN PELANCONGAN KEAGAMAAN
2. KEINDAHAN PANTAI
3. PENGKALAN DAN SETI NELAYAN
4. KEKAYAAN NILAI KEBUDAYAAN, SEJARAH DAN WARISAN
5. KEASLIAN INDUSTRI TRADISIONAL



BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

ELEMEN PELANCONGAN
KEAGAMAAN



KELANTAN DIHATIKU
Kelantan Sejahtera Untuk Islam



Majlis Daerah Bachok
Bandar Pelancongan Islam



MASJID MAHMUDI BACHOK


Masjid Mahmudi dibina lebih kurang pada tahun 1930 di atas tanah lot 401 mukim Bandar Bachok dengan keluasan 52, 672 kaki persegi. Bagi peringkat awal, masjid ini dibina daripada kayu, berukuran lebih kurang 20x40 kaki. Masjid Mahmudi Bachok mula dibina dengan bangunan batu pada tahun 1936 iaitu pada zaman Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, Haji Nik Mahmood bin Ismail. Bangunan asalnya didirikan dengan berpaksikan enam batang tiang sebagai simbolik kepada rukun iman.

Nama Masjid	: Masjid Mahmudi
Tarikh Penubuhan	: 1930
Alamat	: Jajahan Bachok, 16300 Bachok, Kelantan
Keluasan	: 10,200 kaki persegi
Kapasiti	: 1,700 orang jemaah
Kategori	: Masjid Jajahan
Imam Tua	: Ustaz Baharin B. Yusoff



Jangan engkau sembahyang di **masjid** itu selamanya, kerana sesungguhnya **masjid** (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya.

Di dalam **masjid** itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin), (Surah at-Taubah:108)



محل الدراسة



منظر من الشارع الأمامي



مساكن الطلبة



بيت للمدرس

KEADAAN PONDOK MODEN PUSAT PENGAJIAN KANDIS DI PERINGKAT AWAL PENUBUHANNYA PADA TAHUN 1984

Satu hakikat yang sedang berlaku bahawa ketandusan para ulamak dan tokoh agama sudah pun ketara. Pemergian mereka adalah tanpa pengganti yang mengambil alih tempat dan tugas mereka. Menyedari hakikat ini Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha untuk mengembalikan keutuhan ilmu agama dan menghidupkan kembali suatu sistem pengajian agama yang telah hampir dilupai.

PONDOK MODEN KANDIS

Maka hasil dari beberapa perbincangan itu tertubuhlah sebuah Pusat Pengajian Islam yang pertama dalam bentuk ala pondok yang bersistem moden dan mengikut cara baru di Telong, Bachok, Kelantan yang digelar "Pusat Pengajian Pondok" yang telah memulakan operasi pada 11 Feb. 1984 masihi dengan harapan semoga dari sinilah akan melahirkan ulamak dari zaman moden ini kelak.

Pusat Pengajian Pondok, Telong didirikan di atas sebidang tanah seluas seluas 56 hektar tanah, dimana penubuhannya diatas kesedaran semakin berkurangan alim ulamak dari masa ke masa, apabila seorang demi seorang alim ulamak meninggal dunia tanpa pengganti.

PONDOK MODEN KANDIS

sistem
pembelajaran
pondok yang
mengadaptasikan
sistem
pembelajaran
yang sistematis



Pondok Moden yang telah mendidik ramai tokoh-tokoh agama Islam ini telah berkhidmat selama 33 tahun dan berjaya melahirkan ramai cendekiawan dan ilmuan dalam pelbagai bidang.

Pondok ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan sistem pembelajaran yang lebih sistematis selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Namun ciri-ciri pendidikan pondok tradisional masih lagi dipraktikkan di sini bagi menjaga matlamat dan memelihara keaslian institusi pondok yang telah lama bertapak di Malaysia. Pembelajaran dengan teknik Talaqi yang terbukti berkesan juga masih dikekalkan sehingga hari ini.



Negeri Kelantan secara amnya memang terkenal dengan institusi pendidikan berasaskan pendidikan Islam. Maka tidak hairanlah banyak institusi berupa sekolah-sekolah, pusat pengajian pondok, pusat tahfiz dan tadika Islam tumbuh baigaikan cendawan selepas hujan.

Kesedaran tentang kepentingan pendidikan Islam di negeri ini menjadikan pusat-pusat pengajian bercirikan Islam pilihan utama para ibubapa dalam memberikan asas terbaik kepada anak mereka. Kewujudan pusat pengajian berasaskan pendidikan Islam khususnya sekolah menengah agama (arab) ini turut menarik perhatian ibu bapa yang menetap di luar Negeri Kelantan. Anak-anak mereka dihantar dan menetap di asrama sekolah agama yang jauh dari kampung halaman masing-masing semata-mata untuk mendapatkan pendidikan terbaik.

SEKOLAH— SEKOLAH AGAMA

sekolah
menengah
mashad
yaakubiah



Jajahan Bachok juga tidak terkecuali dengan kemeriahan pertumbuhan pusat-pusat pengajian Islam ini . Pelbagai bentuk kemudahan pendidikan Islam yang boleh ditemui dengan mudah di jajahan ini seperti sekolah-sekolah agama, pusat pengajian pondok, pusat tahfiz dan sebagainya.

Pusat-pusat pengajian ini dibangunkan oleh pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan, orang perseorangan dan juga badan-badan amal berkecuali.

Telah ramai penuntut lepasan sekolah atau pusat pengajian Islam ini telah terbukti berjaya dalam bidang masing-masing. Ramai juga diantara mereka menjadi tokoh-tokoh agama yang terkenal di negara kita.





sekolah
menengah
maahad amir
indera petra



Antara sekolah Jajahan Bachok yang disenaraikan di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan adalah seperti berikut:

- MAAHAD AMIR INDERA PETRA
Beris Kubur Besar
- MAAHAD YAAKUBIAH
Nipah
- USAT PENGAJIAN PONDOK
Kg. Telong, Kandis
- MAAHAD TAHFIZ SAINS AL-
MUHAMMADI
Bachok Kelantan
- SMU(A) MUHAMMADIAH
Beris Panchor
- SMU(A) AL-HIDAYAH ISLAMIAH
Chap Bekelam,
- SMU(A) DARUL IMAN BERIS LALANG
Jelawat, Bachok,

Satu hakikat yang sedang berlaku bahawa ketandusan para ulamak dan tokoh agama sudah pun ketara. Pemergian mereka adalah tanpa pengganti yang mengambil alih tempat dan tugas mereka. Menyedari hakikat ini Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha untuk mengembalikan keutuhan ilmu agama dan menghidupkan kembali suatu sistem pengajian agama yang telah hampir dilupai.



sekolah
menengah
agama
arab
mohammadiyah
berispanchor



Maka hasil dari beberapa pertemuan, kajian dan persetujuan, tertubuhlah sebuah Pusat Pengajian Islam yang pertama dalam bentuk ala pondok yang bersistem dan mengikut cara baru di Telong, Bachok, Kelantan yang digelar "Pusat Pengajian Pondok" yang telah memulakan operasi pada 11 Feb. 1984 masihi



madrasah
insaniyyah
watahfizul
quran



KETIK NAGA

Lebih kurang 200 tahun dahulu, penduduk keturunan Siam dan Cina di Kampung Balai telah membuat kebajikan dan dengan semangat ajaran Buddha telah bermurah hati menyedekahkan lebih kurang 2 ekar tanah untuk mendirikan sebuah wat atau lebih dikenali sebagai kuil ular. Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1970 an, iaitu kuil kedua selepas kuil pertama.

Berdasarkan kalendar Buddha iaitu pada tahun 2536 bersamaan tahun masihi 1993 datang pula seorang sami bernama Ajchan Porchai dari Lopburi, Thailand dan bertapa (samadhi) di dalam hutan belukar di kawasan wat ini. Akhirnya beliau membersihkan kawasan ini dan mengambil keputusan untuk menetap dan menjaga wat ini.

Semenjak dari saat itu, penduduk kampung mula berkunjung ke wat ini untuk mendengar ajaran agama Buddha. Dengan murah hati para pengunjung dan penduduk kampung secara bersedikit-dikit menderma wang untuk membaiki wat ini. Dengan jumlah wang yang terkumpul dan usaha serta kerjasama penduduk kampung telah berjaya mendirikan tempat bermandi wap herba. Permandian wap herba ini dapat mengubat pelbagai penyakit . Orang ramai pun mula mengunjungi tempat ini untuk mengubati penyakit dengan cara tradisional ini.



Hasil daripada dermaan orang ramai, akhirnya bangunan dewan dan patung Kuan Yim Berjaya didirikan. Bangunan asal wat ini telah dipindahkan dan diusung oleh para penduduk kampung dan dijadikan tempat kediaman para sami.

Pihak wat juga telah berjaya membina bangunan-bangunan berukir dan sepasang naga mengelilingi wat ini. Pada 1 Mei 2000 tercatatlah sejarah dengan perasmian Pagar Naga Berkembar Wat Photiyan Phut Thak Than yang terpanjang di Asia Tenggara.

Tembok naga berkembar berwarna-warni mengelilingi wat yang membentuk pintu gerbang di bahagian hadapan adalah yang terpanjang di Asia Tenggara iaitu 598 meter. Replika naga kembar yang menjadi kebanggaan penduduk masyarakat Thai ini seolah-olah sentiasa mengalu-alukan kunjungan para pelawat.



Kesan kepada ekonomi di Bachok ialah pemangkin kepada gerai-gerai yang berada di sekitar kawasan kuil tersebut.

Hal ini kerana, setiap kali pengunjung yang datang akan berkunjung ke gerai-gerai yang berdekatan untuk membeli makanan.

Selain dari itu, kesan kepada masyarakat pula ialah tiada paksaan dalam beragama dengan mengikut prosedur yang ditetapkan.

SAM NAK SONG (PUTRI QUAN YIM)



Kuil Matahari adalah sebuah kuil abad ke-13 yang terletak di Konark, Orissa. Kuil ini dibina dari batu pasir yang dioksidasi dan dilapuk oleh Raja Narasimhadewa dari Dinasti Ganga Timur. Kuil ini adalah salah satu kuil yang paling terkenal di India.

Kuil Puteri Matahari yang terletak di Merabang Bachok dibina pada tahun 2005. Kuil ini dibina kerana masyarakatnya bermimpi perlu dibina sepasang selepas Kuil Naga dibina dan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan.

Mengikut Akta Peruntukan Negara, kuil yang dibina dari sudut kiri kanan depan dan belakang tidak melebihi ketinggian masjid-masjid.

Kesan dari sudut ekonomi yang dapat kita perhatikan ialah, pendapatan di Negeri Kelantan meningkat. Hal ini kerana, ramai pelancong-pelancong dari Hong Kong, Jepun dan dari negara lain yang datang melawat kuil di Bachok, Kelantan akan menyewa hotel-hotel yang berdekatan dengan kawasan sekitar.

BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

KEINDAHAN

PANTAI

KELANTAN DIHATIKU

Kelantan Sejahtera Untuk Islam



PANTAI IRAMA

Pantai Irama adalah sebuah pantai yang sungguh cantik dan menjadi tumpuan utama masyarakat di Kelantan khususnya bagi daerah Bachok. Pantai yang terletak di pinggir Bandar Bachok ini mempunyai jarak lebih kurang 20 km daripada bandar Kota Bharu.

Pengunjung yang datang ke sini pasti berpuas hati kerana pelbagai kemudahan telah disediakan seperti gerai-gerai makanan dan minuman, tandas awam, surau, dataran, tempat letak kereta yang sistematik, wakaf dan tempat menyalin pakaian serta taman permainan kanak-kanak.

Pantai ini juga menjadi tempat untuk sebarang pesta atau majlis keramaian bagi masyarakat di negeri ini.

Pengunjung juga boleh menikmati dengan pelbagai aktiviti sukan dan permainan yang cukup menarik seperti *banana boat*, sukan ATV, kereta kuda dan berbasikal. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang mengunjungi pelbagai gerai jualan. Antara yang menjadi tumpuan adalah Pasar Malam yang dibuka pada setiap petang Jumaat dan Sabtu di kawasan berdekatan pantai.



pantai SENOK

Pantai Senok terletak di kawasan Tawang adalah pantai sangat istimewa dan pernah menjadi tular di media-media sosial. Kawasan ini menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara untuk merakam dan menikmati suasana yang persis di Negara Korea

Susulan penyebaran melalui media sosial tentang keindahan Pantai Senok yang menyerupai Pulau Nami yang terletak di Korea Selatan ini telah membawa perubahan yang besar kepada penduduk dan aktiviti di kawasan ini



Kawasan seluas 1.5 hektar yang menempatkan beratus-ratus pokok rhu ini pada asalnya telah ditanam secara tersusun oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan adalah bertujuan sebagai perlindungan daripada berlaku hakisan kepada kawasan persisiran Pantai Senok. Namun keadaan ini telah berubah apabila pokok-pokok rhu ini membesar dan mewujudkan satu pemandangan yang unik kesan daripada perspektif visual yang dihasilkan dari barisan panjang pokok rhu tersebut.



Pemandangan menarik ini sukar diperoleh di tempat lain, sekali gus menjadikan Pantai Senok sebagai lokasi pilihan pasangan pengantin baharu yang mahu mengabadikan potret perkahwinan masing-masing.

Begitu ramai penduduk diserata pelosok Negeri Kelantan mengunjungi kawasan ini untuk beriadah bersama keluarga ketika cuti hujung minggu. Kawasan yang luas ini sangat sesuai untuk aktiviti perkelahan dan ia juga menyediakan ruang yang sempurna untuk anak-anak kecil berlari dan bermain.

Ada juga di antara pengunjung memanfaatkan keunikan kawasan ini untuk mengadakan majlis-majlis kecil seperti Majlis Sambutan Hari Jadi dan Majlis Perumpaan Semula bersama rakan . Sambutan secara terbuka ini amat unik dan sesuai untuk dirakam ke dalam foto kenangan.

Secara dasarnya peranan media sosial yang menyebarkan keindahan pantai ini telah membawa impak positif kepada ekonomi dan aktiviti penduduk tempatan.

PANTAI MELAWI

Satu lagi kawasan perairan di Kelantan yang boleh dikunjungi ialah Pantai Melawi. Pantai ini terletak di daerah Bachok dan berhampiran dengan Pantai Tok Bali. Ianya amat sesuai untuk dikunjungi sesiapa sahaja terutama yang berkeluarga atau berkumpul yang menginginkan ketenangan dan mereka berpeluang menghirup udara yang nyaman terutama pada waktu malam.

Terdapat banyak *homestay* atau resort yang disediakan kepada para pengunjung yang datang ke sini dan kebanyakannya adalah bercorakkan suasana kampung yang jarang-jarang sekali dirasai oleh orang yang tinggal di bandar.

Peralatan untuk *barbique*, *camping*, bangsal berteduh, bersantai dan buaian juga ada disediakan.



PANTAI KEMAYAN

Pantai yang terletak di dalam mukim Kemasin, Tawang ini adalah suatu kawasan yang sering dikunjungi ramai. Lanya terletak 5 km dari bandar Bachok dan dihubungkan oleh rangkaian jalan raya yang baik.



Di sini pengunjung berpeluang melihat bot-bot nelayan keluar dan masuk untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka. Disini juga terdapat perusahaan ikan kering (ikan yang diawet) secara kecil-kecilan yang diusahakan oleh penduduk tempatan di perkampungan ini.



Pantai ini mempunyai infrastruktur yang agak selesa seperti tandas awam, surau dan gerai-gerai yang menjual pelbagai jenis makanan yang berasaskan makanan laut dan masakan panas. Antara makanan yang sering mendapat tempat di hati pengunjung adalah air kelapa, *keropak lekor* dan *maggie sotong* serta mee sup. Tempat ini seringkali dikunjungi oleh pelbagai golongan masyarakat.





Pantai Kemasin ialah pantai yang berada dalam sebuah perkampungan nelayan di Daerah Bachok iaitu Kampung Kemasin. Pantai ini terkenal dengan permandangan yang menarik dan pasirnya yang halus dan cantik.

Pantai ini sering dikunjungi pada hari minggu seperti Jumaat dan Sabtu bagi aktiviti 'pukat tarik' dan memancing.



PANTAI KEMASIN

Penduduk di sekitar perkampungan ini gemar menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut secara beramai-ramai dan inilah keistimewaan pantai ini berbanding pantai-pantai lain.

Aktiviti memancing menjadi salah satu aktiviti utama di pantai ini kerana di sini adalah kawasan yang mudah dan sesuai untuk mengumpukan ikan-ikan. Pukat tarik pula suatu kaedah lama yang diguna pakai penduduk kampung sebelum wujudnya bot besar seperti sekarang.

PANTAI KANDIS



Destinasi kawasan pelancongan seterusnya ialah Pantai Kandis yang terletak di jalan Tok Bali, Bachok. Pengunjung pasti akan merasa kagum dan berpuas hati jika berkunjung ke sini kerana suasana pantainya yang sangat cantik seakan-akan Kepulauan Maldives. Pantai ini sesuai dijadikan sebagai tempat percutian kerana terdapat beberapa villa dengan harga yang cukup berpatutan telah disediakan di sini.

Terdapat juga beberapa keistimewaan lain yang ada di pantai ini seperti kolam renang di tepi pantai, *birdpark* untuk burung-burung liar dan *beach hut*. Pantai Kandis juga terkenal dengan aktiviti 'pukat tarik' iaitu kaedah lama yang digunapakai untuk menangkap ikan.



BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

PENGGALAY DAN

JETI NELAYAN



KELANTAN DIHATIKU
Kelantan Sejahtera Untuk Islam

pengkalan PETAH



Pengkalan Petah adalah sebuah jeti pendaratan ikan yang utama di Bachok, Kelantan. Pengkalan ini terletak dalam Daerah Perupok dan bersebelahan sahaja dengan Pantai Kemayang. Tempat ini sering dikunjungi oleh penduduk sekitar mahupun daripada luar bagi mendapatkan bekalan hasil laut yang segar dengan harga yang berpatutan.

Pengunjung juga boleh melihat suasana kehidupan masyarakat nelayan di kampung ini disepanjang jeti ini. Di sini juga terdapat gerai-gerai yang menjual makanan dan minuman kepada pengunjung yang berkunjung ke sini. Dan pada suatu masa Pengkalan Petah Juga sering kali dijadikan sebagai tempat sesi *photographer* untuk pasangan pengantin.





Pengkalan Kemasin juga merupakan salah satu jeti pendaratan ikan di daerah Bachok ini. Jeti yang dibina di kawasan *Laguna Kemasin Bay* dan ia berperanan sebagai kawasan nelayan melakukan aktiviti penangkapan ikan.

Pengunjung yang gemar memancing digalakkan berkunjung ke Pengkalan Kemasin kerana tempat ini cukup sinonim bagi golongan 'Kaki Pancing Muara'. Di samping itu, tempat ini juga menyediakan kemudahan *Bot Sportfishing* untuk disewa kepada para pengunjung yang ingin memancing di tengah air laut yang dalam



PENGGALAN KUALA KANDIS

Penggalan Kuala Kandis merupakan pelabuhan bagi nelayan pesisir pantai. Ia dijadikan Pelabuhan bagi nelayan pesisir pantai semenjak sekitar tahun 1985 lagi. Penggalan yang beroperasi lebih 30 tahun ini telah memberi khidmat kepada kira-kira 80 orang nelayan tradisional.


Para nelayan yang berlabuh di sini dikenali sebagai nelayan pesisir yang membawa maksud nelayan yang menggunakan bot kecil dan mengumpul hasil laut di sekitar pesisiran pantai secara tradisional. Mereka juga biasanya mula keluar untuk memungut hasil laut pada waktu subuh dan akan kembali ke penggalan sebelum lewat petang.

Kebanyakan hasil laut disini dijual secara langsung kepada pembekal dan juga orang awam yang tinggal di sekitar kawasan ini.



PENGGALAN PANTAI BAHARU

Penggalan Pantai Baharu merupakan penggalan kecil yang wujud secara tradisional sejak sekian lama. Penggalan ini pada asalnya memberikan perkhidmatan kepada nelayan yang tinggal berdekatan dengannya, di mana pada ketika itu, aktiviti menangkap ikan merupakan kegiatan ekonomi utama di kawasan ini. Kini kebanyakan nelayan yang menggunakan pelabuhan ini terdiri daripada generasi baru yang mewarisi aktivi ini daripada ibu bapa mereka.



BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

KEMUDAHAN

PENGINAPAN



KELANTAN DIHATIKU

Kelantan Sejahtera Untuk Islam

RESORT PENGINAPAN

Sudara Beach Resort adalah salah satu tempat penginapan yang sesuai bagi mereka datang bercuti di Telong, Bachok. Terdapat pelbagai pilihan chalet dan bilik yang ditawarkan di resort ini dan semestinya mampu memenuhi cita rasa pengunjung. Resort ini terletak lebih kurang 45 km sahaja dari bandar Kota Bharu.

Pelbagai pakej menarik ditawarkan bagi pengunjung yang datang ke sini di samping suasana resortnya yang indah dan damai. Pengunjung juga berpeluang belayar dengan bot kecil di sekitar resort ini bagi melihat keindahan Laut China Selatan. Terdapat dua buah pulau kecil yang berdekatan dengan resort ini iaitu Pulau Saji dan Pulau Susu Dara atau dikenali sebagai SUDARA oleh penduduk tempatan.



CHALET EKONOMI



Terdapat juga beberapa buah chalet yang disediakan di kawasan pelancongan pantai di daerah Bachok ini. Pakej yang ditawarkan adalah berbentuk ekonomi dan sesuai untuk golongan muda dan yang berkeluarga. Bayu Melawi adalah salah satu chalet yang terletak di Kampung Sungai Dua, Melawi dan berjarak 28 km sahaja dari bandar Kota Bharu.



Chalet ini sesuai untuk pengunjung yang gemar bercuti di kawasan pantai yang dikelilingi oleh suasana casuarina dan pokok kelapa. Harga atau kos penginapan yang ditawarkan di sini amatlah berpatutan dan sesuai untuk semua golongan sama ada bagi yang berkemampuan mahupun sederhana.



Setiap bilik mempunyai penghawa dingin dan televisyen (TV) berskrin rata. Penyewa atau pengunjung boleh meminta tuala dan cerek elektrik semasa mendaftar masuk. Di samping itu, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan sesuai untuk penginapan hujung minggu, mesyuarat sekolah dan organisasi, persidangan dan acara.



Seterusnya ialah Seri Nipah Resort juga menyediakan chalet yang mempunyai pakej harga mampu milik bagi semua golongan. Lokasinya adalah berdekatan dengan Bandar Bachok dan Pejabat Pos Bachok. Tempat ini sesuai dikunjungi oleh semua golongan kerana harga yang ditawarkan amatlah berpatutan serta mempunyai persekitaran yang bersih serta nyaman



Tarikan utama Seri Nipah Resort ini adalah sebuah pantai yang *privacy*, bersih dan landai sesuai untuk aktiviti mandi-manda dan berkelah. Selain itu, permainan pantai seperti “soccer beach” dan bola tampar pantai juga boleh dilakukan di sini.

Kemudahan asas juga disediakan di sini seperti tandas awam, surau, dewan yang lengkap dengan *PA system*, dan kantin serta kawasan dan tong *BBQ* bagi mereka yang ingin berbeku disini.

BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

KEKAYAAN

MILAI KEBUDAYAAN,
SEJARAH DAN
WARISAN

KELANTAN DIHATIKU
Kelantan Sejahtera Untuk Islam

Kubur VIETNAM




Kubur Vietnam yang terdapat di Kg. Merabang Bachok ini merupakan sebahagian tinggalan kisah sedih yang dirakam daripada tragedi bot karam pelarian Vietnam yang terjadi pada penghujung tahun 1978.

Sejarah pilu ini terjadi apabila kira-kira 320 rakyat Vietnam terpaksa melarikan diri daripada kampung halaman masing-masing akibat kekejaman pemerintah dan konflik politik yang tidak berkesudahan. Selain itu penghapusan etnik secara besar-besaran telah membawa mereka ke bumi asing bagi menyelamatkan diri.

Lebih malang lagi apabila sebahagian besar daripada pelarian ini terkorban dalam perjalanan akibat mempertaruhkan nyawa melalui perjalanan yang menggunakan bot kecil dengan jumlah penumpang yang melebihi bebanan yang sepatutnya. Perjalanan yang penuh berisiko ini terpaksa dilalui oleh mereka bersama ahli keluarga yang terdiri daripada kanak-kanak kecil, bayi dan wanita mengandung. Kisah sedih ini tidak berakhir di sini, apabila ada diantara bot yang dinaiki telah dirampas oleh lanun dan mereka dipaksa terjun ke laut.

Ada juga pelarian daripada kekejaman pemerintahan komunis di negara bergolak itu yang dalam keadaan keletihan dan terdesak bagaimanapun gagal mendarat segera dan tersangkut di situ seketika kerana masalah suka politik. Bot yang dinaiki dengan bayaran yang cukup tinggi, pecah dihempas ombak. Tiada yang dapat menolong sesiapa ketika itu dan seramai 171 orang yang tidak lagi berupaya berenang mati lemas dan mayat mereka yang ditemui bergelimpangan di pantai Semerak dan Bachok dalam tempoh beberapa hari.

Daripada jumlah itu, 123 dikebumikan di Tanah Perkuburan Thai di Kampung Ketik Buluh dalam satu liang besar manakala 48 mayat yang jauh dihanyutkan arus dikebumikan di Bachok. Tugu memorial yang dibina ini menjadi saksi kisah pilu yang dialami oleh pelarian Vietnam tersebut.



kubur yang menempatkan 48 orang mangsa pelarian vietnam yang terkorban





BUKIT MARAK

Bukit Marak merupakan sebuah bukit yang agak tersohor kerana mempunyai hubung kait dengan sejarah Kesultanan Negeri Kelantan yang dikaitkan dengan Puteri Saadong dan lagenda – lagenda yang berkaitan.

Puteri Saadong yang merupakan anak angkat kepada Che Siti Wan Kembang dikatakan pernah bersemayam di Bukit Marak yang terletak di Daerah Bekelam, Bachok, setelah kemangkatan suaminya, Raja Abdullah pada tahun 1671.

Bukit Marak terletak dalam Daerah Bekelam, Bachok iaitu 12.8 kilometer daripada Kota Bharu ke arah timur dan 19.2 kilometer daripada Bandar Bachok. Ianya boleh dihubungi melalui jalanraya yang baik daripada Kota Bharu ke Bachok.

Daripada jalanraya dapat dilihat dengan terang Bukit Marak yang dikelilingi sawah padi yang menghijau, dusun buah-buahan dan rumah kediaman penduduk. Tidak ada bukit atau tanah tinggi yang lain disekitarnya.



Bukit tersebut mempunyai ketinggian lebih kurang 350 meter tinggi. Udaranya nyaman, pandangan daripada puncaknya indah dengan perkampungan penduduk Melayu dan Siam dan dapat dilihat sehingga ke Bandar Bachok dengan latarbelakang Laut China Selatan.

Setelah Raja Abdullah iaitu suami Puteri Saadong mangkat di Istana Mahligai, Melor lalu Puteri Saadong balik ke Jembal. Mengikut cerita mulut semasa di Jembal, Puteri kesayangan rakyat itu banyak masa Baginda bersemayam di Bukit Marak hingga ke akhir hayatnya dan kemangkatannya tidak diketahui begitu juga makamnya.

Cerita yang umum diketahui ialah Baginda "ghaib" di Bukit Marak menjadi misteri hingga ke hari ini kerana tiada makamnya.



pandangan dari atas batu hampar dikemuncak bukit marak menampakkan struktur bangunan di bandar bachok





Batu yang menyerupai bentuk gajah menjadi sebahagian bukti dari legenda puteri saadong



- Tapak Kaki Awang Selamat (Hulubalang) Pada Batu Di Atas Bukit Itu.
- Batu Pengasuh
- Batu Gajah Berantai
- Batu Apal
- Gua Puteri Saadong
- Gua Kambing



*tinggalan
bangunan
yang dibina
untuk tujuan
pelancongan*

Tempat dan objek ini boleh dilihat apabila melawat puncak dan gua tersebut tetapi sebaiknya gunalah pemandu daripada anak tempatan daripada Kedai Lalat atau yang berdekatan.

Boleh juga mendapat khidmat nasihat daripada Persatuan Kerabat Raja-Raja Jembal berpusat di Kedai Lalat.



*tempat awang
selamat
mengasah parang
yang dikatakan
tidak pernah
kering*



KUBU INGGERIS

Kubu yang terdapat disepanjang pesisiran pantai ini adalah bukan kubu Jepun, malah bukan juga monumen peringatan sejarah, tetapi ia adalah tinggalan sebenar kubu-kubu kebal yang dibina tentera British pada zaman Perang Dunia Kedua dahulu."



Kebanyakan binaan konkrit itu berbentuk segi sembilan dan ia diperbuat daripada campuran simen dan pasir sungai dengan kerawat besi, sementara ketebalan dinding melebihi 0.3 meter dan keluasan pula lebih 18 meter persegi.

Kubu perlindungan dan 'pos' pemerhatian itu didirikan pada 1940 di beberapa lokasi strategik terutama di pantai bahagian utara sepanjang Tumpat ke Bachok yang terdedah luas menghala Laut China Selatan bagi mempertahankan Negeri Kelantan daripada serangan musuh semasa Perang Dunia Kedua.



Kubu-kubu kebal ini mempunyai signifikan penting dalam sejarah kerana ia dibina khusus hasil maklumat risikan yang menjangka Jepun menyerang Tanah Melayu melalui negeri ini. "Perang Dunia Kedua berlaku antara tahun 1939 hingga 1945 dan ia bermula apabila salah satu negara daripada pakatan kuasa 'Axis' iaitu Jerman menyerang negara-negara di Eropah.

Kubu-kubu kebal ini adalah tentera British berketurunan India-Punjab yang dibekalkan dengan senjata seperti mesingan ringan dan berat serta senapang jenis MK-4 dan MK-5



Kubu-kubu kebal ini mempunyai signifikan penting dalam sejarah kerana ia dibina khusus hasil maklumat risikan yang menjangka Jepun menyerang Tanah Melayu melalui negeri ini.

"Perang Dunia Kedua berlaku antara tahun 1939 hingga 1945 dan ia bermula apabila salah satu negara daripada pakatan kuasa 'Axis' iaitu Jerman menyerang negara-negara di Eropah. Kubu-kubu kebal ini adalah tentera British berketurunan India-Punjab yang dibekalkan dengan senjata seperti mesingan ringan dan berat serta senapang jenis MK-4 dan MK-5



SEKOLAH BERUK



Jika dahulu pemeliharaan beruk lazimnya hanya didominasi golongan veteran, namun kini minat itu mula terarah kepada golongan muda belasan tahun.

Situasi itu dapat dilihat dalam siri pertandingan beruk di sekitar negeri ini yang menampilkan pemilik beruk berusia di bawah 20 tahun.

Amar Azmi,18, merupakan seorang anak muda yang memiliki seekor beruk. Kini berbangga apabila memiliki lima beruk yang memberinya pulangan hingga RM150 sehari hasil upah memetik kelapa.Amar memulakan kerjayanya ini,dengan hanya berbekalkan wang simpanan RM30 ketika di tahun enam.



Pada awalnya, dia hanya melatih beruk untuk memanjat pokok kelapa, tetapi kini dia turut membawa beruk miliknya menyertai pertandingan untuk menguji kepantasan haiwan berkenaan. Baginya, menyertai pertandingan seperti ini akan menjadi medan bagi menguji kemampuan untuk melatih beruk sejak enam tahun lalu. Di sekolah ini juga, Amar berpeluang menimba ilmu dan pengalaman dengan melatih beruk yang lebih 'senior'.

Lebih 70 beruk memeriahkan pertandingan itu sempena sambutan karnival sukan peringkat sekolah berkenaan. Pertandingan itu turut disertai hampir 20 anak muda yang kebanyakannya pertama kali menampilkan beruk masing-masing.

Manakala, Aiman Borhan Che Asmawi, 18, berkata, walaupun ada yang memandang rendah terhadap pemilik beruk, namun dia gembira kerana masih ramai rakan sebayanya meminati hobi sepertinya. Baginya, banyak peluang kerjaya yang terlibat dalam bidang ini. Seperti Aiman sendiri, bukan sahaja melatih beruk tetapi juga menjual kelapa kepada pemborong. Harganya yang tinggi di pasaran memberi pendapatan lumayan untuk dirinya.


Selain golongan belia, pertandingan itu juga menarik minat seorang pesara kerajaan, Muhammad Jaafar Abdul Kadir, 60, yang sanggup bertolak selepas Subuh dan mengambil masa dua jam perjalanan dari Jerteh, Terengganu untuk menyaksikan pertandingan berkenaan.

AKADEMI NIK RASHIDDIN

Akademik Nik Rashiddin (ANR) yang ditubuhkan pada 2010 berkembang daripada Kandis Resource Centre (KRC) yang menjalankan aktiviti pengekalan warisan seni ukir Negara sejak tahun 2000.

Diasaskan oleh Allahyarham Nik Rashiddin Hj.Nik Hussein. Beliau dilahirkan di Kota Bharu dan dibesarkan dengan jiwa dan roh pertukangan Melayu tradisi Pantai Timur.

Setelah menamatkan pendidikannya, dia telah dihantar ke Pulau Jawa untuk belajar di sekolah ukiran Jepara terkenal. Dan kemudian dia menjadi perintis dengan pengukir legenda tempatan, dikenali dengan nama Che Long.





Dengan cara ini, ia dapat mempamerkan kepada pengetahuan orang ramai terhadap kesenian ukiran .

Keris Hulu Tanjong yang berasal dari Patani adalah simbol dan lambang keagungan masyarakat Melayu yang sinonim dengan karya beliau .Rupanya yang indah dan sarat dengan nilai tersirat harus dimanfaatkan demi kedaualatan dan jati diri bangsa Melayu.

Ukiran-ukiran di dalam pameran ini telah dikumpul oleh dua orang pengukir ternama dari daerah pantai timur semenanjung Malaysia dan mereka berpendapat bahawa artifak-artifak tersebut boleh dianggap sebagai “buku teks” untuk memahami motif-motif dan nilai-nilai estetik ukiran dan reka bentuk melayu. Allahyarham Nik Rasyiddin Nik Hussein akan dikenang sebagai seorang pengukir yang melewati kesempurnaan dalam usaha beliau untuk mencipta hulu dan sarong keris dalam pelbagai jenis dan gaya.

Keghairahannya untuk keris mendesak dia mengukir halus kepala keris menandingi mata pisau purba lama yang dibeli dalam bazar dan kawasan belakang rumah. Kemudian, seorang pengukir muda dengan nama Norhaiza Noordin menyertai Nik Din dalam pencarian untuk menyelamatkan Art Langkasuka sebelum ia hilang daripada sebuah tamadun.





Allahyarham bukan sahaja berhasrat untuk menyempurnakan teknik ukiran lama atau mereka bentuk dengan menggunakan motif dan bentuk tradisional malahan sebahagian besar dari hayat beliau, Allahyarham telah berusaha menimba ilmu demi untuk memahami asal-usul motif dan bentuk tersebut mengenai pengukir dan penaung yang telah mewariskannya secara turun temurun.

Allahyarham telah mendorong Norhaiza Nordin dan adik lelakinya, Nik Rashidee, untuk mengikuti jejak langkahnya dalam usaha menimba ilmu tersebut. Mereka berdua ini bersama balu Allahyarham dan akan memastikan ilmu itu diperturunkan kepada generasi Malaysia yang akan datang.

Tertletak berhampiran pantai di Kampung Kandis, Bachok di atas sebidang tanah seluas 6 ekar. Ia dikelilingi perkampungan nelayan dan petani yang kebanyakan penduduk menanam sayur-sayuran, tembikai dan keledek serta menangkap ikan sebagai punca rezeki.

Pusat ini menawarkan pelbagai pakej lawatan, aktiviti penyelidikan dan khidmat nasihat dalam seni ukir bagi semua lapisan masyarakat dari peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, ilmuan, seniman, tukang, pengkaji, dan peminat seni.

Motif-motif yang terdapat dalam ukiran kayu melayu boleh dijadikan rekod tentang pengaruh luar yang menjelajahi keseluruhan semenanjung melayu. Motif-motif simbolik dari peradaban silam- funan, china, india, dan Sri Vijaya telah meresapi spektrum ukiran kayu melayu bermula dari perkakas rumah yang paling ringkas sehinggalah senjata dan alat istiadat istana.



Motif-motif utama yang muncul semasa pra-abad ke-14 merupakan gambaran dewa Melayu dan symbol-simbol, kebanyakannya boleh dijejak balik ke asal-usul Hindu-Buddha dan Proto-Melayu.

Kepentingan motif-motif ini sungguh bermakna. Contohnya, wajah kala, satu entity penjaga hindu, boleh didapati di segenap rumah kediaman Melayu, dari acuan putu hinggalah ke panel dinding

Begitu juga dengan makara yang melambangkan air dan kesuburan, kerap didapati dalam dunia para nelayan tetapi motif-motif yang berkait denganya juga didapati di atas batu nisan dan panel berukir yang terletak di atas pintu.





PASAR JELAWAT



Pasar Jelawat bukan sekadar pasar basah yang biasa kita temui di pekan-pekan kecil seluruh negeri. Tetapi Pasar Jelawat merupakan pasar unik yang hidup sejak tahun 1983 sehingga kini, bukan sahaja hidup malahan ia tetap meriah dan padat dengan pengunjung hampir setiap hari.

Keistimewaan Pasar Jelawat adalah terletak pada aneka kuih tradisional yang terkenal dengan kesedapan dan keasliannya. Sebut sahaja nama kuih tradisional yang dihajati, pasti ianya ditemui dengan mudah di pasar ini. Tidak hairanlah ada segelintir pengusaha hotel-hotel mewah di Bandar Kota Bharu juga mendapatkan bekalan kuih daripada pasar ini.



*pasar siti
aishah*



Selain daripada keunikan kuih tradisional Kelantan, Pasar Jelawat juga tersohor dengan tempat penjualan hasil pertanian terutamanya sayur-sayuran kampung. Kebanyakannya dijual oleh para petani sendiri yang rata-ratanya terdiri daripada wanita yang telah lewat usianya namun sihat fizikalnya.

Sayur kampung yang dipetik dari kebun sekitar rumah atau ulaman yang tumbuh meliar di kawasan kediaman mereka dipasarkan di sini. Ada diantara sayur-sayuran atau ulam-ulaman di sini sukar diperolehi di tempat-tempat lain. Ini merupakan antara faktor Pasar Jelawat atau kini telah dinaiktaraf kepada Pasar Siti Aishah pada tahun 2011 ini lebih dekat dihati penduduk tempatan dan jajahan sekitarnya.

BACHOK

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

KEASLIAN

INDUSTRI

TRADISIONAL



KELANTAN DIHATIKU
Kelantan Sejahtera Untuk Islam

PERUSAHAAN BUDU

Budu atau sos ikan bilis adalah sejenis pekasam yang dibuat menggunakan ikan bilis. Ia merupakan makanan tradisional yang terkenal di Malaysia dan dipasarkan di Kelantan, Terengganu dan Selatan Thailand. Namanya berasal dari kawasan pentadbiran di Pahang, iaitu Mukim Budu. Budu diproses daripada ikan bilis yang diperam sehingga hancur. Pada kebiasaannya dihasilkan oleh syarikat-syarikat perusahaan kecil dan dijual di kedai dalam pembungkusan botol.

Budu merupakan salah satu makanan yang digemari oleh rakyat Negeri Kelantan khasnya dan juga diminati di negeri-negeri lain amnya. Kebiasaannya, budu dihidangkan sebagai pencecah untuk dimakan bersama ulam-ulaman, ikan bakar, dan lain-lain lagi. Di Kelantan, terdapat beberapa tempat yang menjalankan projek perusahaan budu atau dikenali sebagai sos bilis. Salah satunya adalah di Kemayang, Bachok.

Budu ini diperbuat daripada ikan bilis dan garam sahaja. Selepas digaul kedua-dua bahan ini, campuran bahan tersebut akan disimpan di dalam tong yang besar untuk diperam sehingga menjadi budu.

Waktu yang paling singkat bagi bahan ini diperam sebelum dibeli adalah selama 2 bulan. Manakala, tempoh peram yang paling lama adalah dalam tempoh 2 tahun. Sekiranya budu diperam lebih lama, rasanya akan menjadi lebih enak. Selain itu, minyak yang terdapat di permukaan budu yang telah diproses akan dibeli oleh pengusaha kicap bagi membuat kicap. Ini adalah kerana rasa kicap akan menjadi lebih enak apabila dicampurkan dengan minyak budu tersebut.





ENAK, lembut, manis dan berlemak. Itulah yang digambarkan oleh penggemar manisan nira kelapa yang banyak dihasilkan oleh pengusaha secara kecil-kecilan di Bachok, Kelantan. Malah, jika dibandingkan dengan manisan lain, penduduk negeri yang kaya dengan sumber pelancongan itu lebih memilih manisan ini.

Rezeki pengusaha bertambah pada bulan puasa kerana permintaannya meningkat sekali ganda kerana juadah pembuka selera yang banyak menggunakan bahan ini selain menjadi perasa tambahan dalam masakan.

MANISAN KAMPONG



Kayu cengal merupakan ramuan rahsia bagi menghasilkan rasa yang lebih istimewa



Mat Salleh atau lebih selesa dikenali sebagai Abe Mail, 61 tahun merupakan salah seorang pengusaha yang tinggal di Kampung Haji Saman. Beliau menghasilkan secara putera manisn sebanyak 250 keping setiap hari.

*acuan manisn
atau dikenali
sebagai kerek
dibuat
menggunakan
daun
mengkuang*



Mereka menghasilkan manisn mengikut gred yang diteapkan. Manisn asli tidak dicampur gula dan hanya menggunakan nira kelapa yang dijadikan sebagai penawar diabetes. Sudah lebih 40 tahun beliau menjana pendapatan dengan memproses manisn ini.

Beliau juga telah mewakili pertandingan masakan di peringkat negeri Kelantan dan telah mendapat tempat johan dan seterusnya beliau mewakili negeri Kelantan dengan memasuki pertandingan masakan Tradisional di Johor dan telah mendapat tempat naib johan.

Proses penghasilan manisn memakan masa selama 5-6 jam setiap hari. Biasanya, Abe Mail akan mula memproses manisn bermula jam 11 malam hingga 5.00 pagi. Hal ini kerana, jika beliau menghasilkan manisn disebelah pagi atau petang, maka banyak serangga seperti lebah dan tebuhan yang akan berada di sekitar kawasan tempat membuat manisn tersebut. Harga sekeping manisn ialah RM 0.70 sahaja jika dibeli secara langsung di tempat pembuatan manisn tersebut.

PERUSAHAAN AIR TUAK



Tuak merujuk kepada sejenis minuman beralkohol tradisi yang popular di kalangan masyarakat asli atau bumiputera.

Tuak pada asasnya merupakan sejenis minuman yang terhasil dari pemeraman bahan tertentu, jenis bahan tersebut bergantung kepada suku kaum yang menghasilkannya.

Bagi masyarakat Kelantan pula, perkataan tuak merujuk kepada nira iaitu minuman yang dihasilkan dari mayang kelapa yang kandungan gulanya belum bertukar kepada alkohol. Di Malaysia terdapat dua jenis tuak yang diketahui, iaitu tuak beras, tuak kelapa dan tuak nipah.



Tuak (beras) ialah sejenis minuman masyarakat kaum Iban pada masa dahulu. Biasanya, tuak diperbuat daripada sejenis beras dipanggil "Beras Pulut". Beras tersebut akan direndam bersama air di dalam tempayan atau dikenali sebagai "Tajau".

Proses tersebut akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu sebelum ia boleh diminum dan beras tersebut juga akan menjadi sejenis makanan dipanggil "Nasi Tapai". Namun pada masa kini proses pembuatan tuak berlainan sedikit iaitu selain dibuat menggunakan beras pulut, ia juga dicampur dengan gula pasir supaya rasanya manis.

PERUSAHAAN AIR TUAK KELAPA

Biasanya Tuak akan dihidangkan pada perayaan tertentu seperti perayaan Gawai Dayak, Gawai Hantu, Gawai Burung dan sebagainya. Selain daripada masyarakat Iban, terdapat juga masyarakat lain seperti Bidayuh. Orang Ulu juga membuat tuak dengan cara mereka sendiri. Tuak juga boleh membawa kesan yang mudarat seperti mabuk, khayal, muntah sekiranya diminum berlebihan.

Tuak (nipah/kelapa) merupakan sejenis minuman kaum asli. Biasanya tuak ini dihasilkan dari menyadat mayang kelapa/nipah. Mayang kelapa atau nipah sekiranya dibiarkan akan menjadi buah, kemudian dipotong dan air manis yang menitik dari tandan yang dipotong itu akan dikumpulkan dalam bekas, biasanya bekas buluh. Air ini dikenali sebagai air nira yang boleh diminum tanpa kandungan alkohol. Selepas itu air ini akan diperam sehingga kandungan gula di dalamnya bertukar menjadi alkohol melalui proses penapaian selama beberapa hari. Tuak kelapa/nipah ini akan diminum selepas beberapa hari.



Pada kebiasaannya tuak akan dihidangkan pada perayaan tertentu seperti majlis perkahwinan dan sebagainya. Sekiranya tuak kelapa/nipah ini dibiarkan terlalu lama, ia akan menjadi masam dan lama-kelamaan bertukar menjadi cuka secara semulajadi tanpa perlu mencampurkan bahan asing.

Tuak bagi masyarakat Kelantan merujuk kepada nira kelapa dan bukannya hasil tapanian yang memabukkan. Menjadi kelaziman di bulan Ramadhan, tuak atau nira ini menjadi antara sajian utama sewaktu berbuka puasa. Kelazatan dan kemanisan air tuak mampu menghilangkan haus dan mengembalikan tenaga selepas seharian berpuasa.

Bagi pengusaha tuak di Kelantan yang dikenali sebagai Pok Nuh atau nama sebenar beliau ialah Awang Nuh bin Husin, 63 tahun yang menetap di Kampung Gelong Badak Hulu, Bachok memberitahu bahawa beliau telah mengusahakan tuak sejak 30 tahun. Poknuh yang telah menceburi bidang tersebut sejak 30 tahun lalu bersyukur kerana ia membantu menjana pendapatan keluarga.





Beliau yang mempunyai lebih 60 pokok kelapa di sekitar rumahnya dari jenis gading dan mawar atau lebih dikenali sebagai 'nyior ringan' itu menguruskan perniagaan tersebut dengan dibantu isterinya, Zapilah binti Che Min atau lebih dikenali sebagai Kak Lah. Dengan rutin cantasan dua kali sehari iaitu jam 8 pagi dan 5 petang, Poknuh boleh menghasilkan lebih 30 bungkus atau bersamaan dengan lebih 30 liter setiap hari. 1 pokok kelapa mengambil masa 10 minit.

"Apa yang penting, dalam setiap tukir yang kita gunakan itu mesti dimasukkan 'laghu' iaitu cebisan pokok kayu cengal yang mempunyai bahan awet semula jadi yang melindungi terasnya untuk membantu air tuak lebih tahan lama. "Jika kita masukkan 'laghu', tuak boleh bertahan sehingga lebih 13 jam, bagaimanapun selepas ditapis, tuak mesti disimpan di dalam peti sejuk kerana ketika itu 'laghu' sudah diasingkan.

Katanya, stok kayu cengal perlu sentiasa mencukupi kerana ia merupakan bahan penting dan bagi Pok Nuh, itu bukan satu masalah besar kerana beliau telah lama berurusan dengan penjual bahan tersebut. Poknuh berkata, ianya hanya memerlukan tiga langkah sahaja serta tidak memerlukan kepakaran yang tinggi.

"Langkah pertama kita kena pastikan mayang mana yang sesuai untuk ditoreh dan panjat pokok kelapa tersebut. Manakala langkah kedua, ikat tukir yang hendak diisi air tuak nanti berserta 'laghu' dan yang ketiga cantas atau toreh hujung mayang tersebut, itu sahaja, kemudian tunggu hasilnya," katanya.

Walaupun proses memerlukan stamina yang tinggi terutamanya untuk memanjat pokok demi pokok. "Nampak mudah, tetapi jika cuai atau tidak kena caranya, kemungkinan besar air tuak yang memenuhi tukir itu boleh tertumpah dan kita tidak dapat hasilnya, tambahan pula kalau terpaksa memanjat pokok kelapa yang tinggi," katanya. Tuak akan dibeli terus sebagai minuman sepanjang bulan Ramadhan namun dan mendapat permintaan pada bulan biasa kerana air itu dijadikan bahan utama untuk menghasilkan manisan.



Perusahaan ini terletak di Kampung Pengkalan Baru, Beris Kubur Besar Bachok iaitu kira-kira 20 kilometer daripada Kota Bharu. Nama “atap Singgora” berasal daripada nama tempat di Selatan Thailand yang memulakan perusahaan atap bata jenis tersebut. Bentuk, teknologi dan jenis tanah dan “gok” kilang membakar dengan ciri-ciri tradisional daripada tempat asal telah ditiru oleh pengusaha Kampung Pengkalan Baru dan dapat dikeluarkan menjadi suatu perusahaan yang terkemuka.

PERUSAHAAN ATAP SINGHORA

Pada awal abad ke – 18, teknologi pembuatan atap singgora telah dibawa masuk ke Kelantan oleh komuniti Thai yang berhijrah ke Kelantan. Mereka ialah pelopor perusahaan atap singgora yang menetap di Kampung Dalam, Tumpat dan Kampung Balai, Bachok. Selepas Perang Dunia Kedua tamat, perusahaan ini dimonopoli oleh penduduk Melayu yang mendirikan perusahaan sepanjang Sungai Kemasin, Bachok.

Mereka mempelajari teknik pembuatan atap singgora daripada penduduk Thai dari Kampung Balai dan Kampung Dalam. Pengusaha atap singgora, iaitu Mek Jah dari Kampung Pengkalan Baru berpendapat bahawa penduduk dari daerah Bachok telah pergi ke Selatan Thai untuk mempelajari teknologi pembuatan atap singgora.



diusahakan
secara
tradisional
dengan
penggunaan
tenaga manusia
sepenuhnya

Perusahaan ini berkembang pesat pada 1950– 1970an. Buktinya, terdapat banyak gok atap bata di sepanjang Sungai Kemasin, Bachok pada ketika itu. Faktor utama yang menjadikan daerah Bachok terkenal sebagai pusat pengeluaran atap singgora ialah wujudnya tanah liat bendang air masin.

Majoriti penduduk Bachok terdiri daripada golongan petani dan nelayan. Sebahagian besar daripada mereka menjadikan atap singgora sebagai sumber pendapatan utama.



Perusahaan atap singgora di Kampung Pengkalan Baru merupakan yang paling terkenal, dan diikuti dengan Kampong Balai, Pengkalan Haji Ali, Pengkalan Petah, Pengkalan Chengal, Pengkalan Cina dan Pengkalan Pak Kassim.

Sehingga kini, perusahaan atap singgora Kampung Pengkalan Baru merupakan satu-satunya yang masih terdapat di Malaysia. Pada awal tahun 1950-an, permintaan atap singgora semakin meningkat di Kelantan dan Terengganu kerana kebanyakan rumah tradisional dibina menggunakan kayu. Sifat-sifat atap singgora yang ringan dan tahan lama menjadikan ia sesuai untuk seni bina berasaskan kayu.



PERUSAHAAN LAKSA KELANTAN

Pada tahun 1911, sebuah kapal dagang telah berlabuh di pelabuhan Pengkalan Petah. Anak-anak kapal berasal dari China, mereka mempunyai banyak alat perkakas untuk menghasilkan makanan untuk anak-anak kapal termasuklah perkakas untuk membuat laksa. Ketika berlabuh di pelabuhan berkenaan, Tok Mek Chu (salah seorang anak kapal yang pandai membuat laksa) telah menjual laksa di pelabuhan berkenaan, tapi malangnya perniagaannya merosot kerana beliau orang bukan Islam. Kebanyakan penduduk disekitar pelabuhan itu beragama Islam.

Pada tarikh yang tidak diketahui, Tok Mek Chu telah menyerahkan alat perkakas membuat laksa kepada Tok Siah, dan member tunjuk ajar kepada Tok Siah cara membuat laksa dengan betul dengan menggunakan peralatan tradisional yang berasal dari China seperti lesung kayu, kebuk tembaga, kawah, pengisar beras. Peralatan ini digunakan generasi ke-3. Pada tahun 1986, (generasi ke - 4) telah menggunakan peralatan elektrik dan menyimpan peralatan tradisional yang digunakan oleh generasi terdahulu dengan baik sehingga hari ini. Penggunaan peralatan elektrik pada ketika ini bagi meningkatkan hasil pengeluaran untuk menampung permintaan yang semakin meningkat kerana laksa sudah dikenali ramai dan ramai peniaga di sekitar kawasan Bachok membelinya secara borong untuk diniagakan di pasar tani di sekitar Bachok.





Berbalik kepada wujudnya perkataan Laksa Beris, pada awalnya perkataan itu diambil kerana kilang Laksa Beris wujud di Tanah Beris dan sekarang sudah dikenali ramai, malah penduduk yang menetap di Terengganu, Pahang juga turut mengenali Laksa Beris kerana kualiti laksa masih di tahap yang terbaik.

Kilang Laksa Beris merupakan sebuah perniagaan perusahaan makanan tradisional yang berasaskan kepas Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Perniagaan ini tercetusnya dari turun-temurun lagi. Idea untuk menjalankan perniagaan ini tercetusnya apabila Tok Mek Chu yang berasal dari China telah menjalankan perniagaan laksa ini. Disebabkan Tok Mek Chu berbangsa Cina maka orang Melayu tidak berminat untuk membeli barangan yang dibuat olehnya.



Perniagaan yang dijalankan oleh Tok Mek Chu tidak mendapat sambutan dan tidak memperoleh keuntungan maka beliau menyerahkan perniagaan tersebut kepada sahabat baiknya iaitu Tok Yoh Samad. Tok Yoh Samad mengusahakan perniagaan ini selama 36 tahun. Setelah mengusahakan perniagaan selama 36 tahun beliau telahpun kembali ke rahmatullah.





Perniagaannya diambil alih oleh Mek Nab Binti Solleh dan Bidah Binti Awang. Mereka mengusahakan perniagaan tersebut selama 14 tahun. Seterusnya perniagaan diambil alih oleh Md Junus Bin Dollah. Md Junus Bin Dollah mula mengembangkan perniagaan laksana ini.



Di peringkat awal beliau mula membuka kilang secara kecil-kecilan, beliau menjalankan perniagaannya menggunakan kaedah tradisional iaitu secara manual. Beliau memperkenalkan laksana dengan menjual di pasar pagi supaya orang ramai dapat mengenali laksana. Berkat kesungguhannya selama 15 tahun mengusahakan perniagaan laksana ini rezeki beliau semakin bertambah. Laksa beliau mula dikenali dan ianya mendapat sambutan yang luar biasa.

Pada tahun 2009, operasi perniagaannya semakin berkembang. Jika dahulu beliau hanya membuka kilang secara kecil-kecilan tetapi kini beliau mampu untuk membuka kilang yang besar. Perkembangan teknologi dan permintaan semakin bertambah kaedah memproses laksa juga telah menggunakan peralatan yang lebih moden dan canggih. Ianya suatu perubahan yang mendadak hasil daripada usaha dan kesungguhan serta kekuatan kudrat dan impiannya untuk menjadi usahawan yang berjaya tercapai.

Bak kata pepatah “Bersusah-susah dahulu bersenang-senang kemudian”. Berpegang teguh pada pepatah tersebut impiannya tercapai. Kini perniagaannya mula dikenali ramai dan mendapat sambutan yang hangat serta permintaan semakin bertambah di musim perayaan, majlis keraian, cuti sekolah dan lain-lain lagi.

PERUSAHAAN LAKSA BERIS

SENARAI HARGA :

LAKSA	RM 2.50/KG
LAKSAM	RM 3.00/KG
LAKSA + SET KUAH	RM 11.00/KG
LAKSAM + SET KUAH	RM 11.50/KG

UNTUK TEMPAHAN SILA HUBUNGI KAMI :

019-911 8969	017-300 8669
019-938 8969	013-223 9969
013-457 8968	

KEDAI KAMI BEROPERASI SETIAP HARI PADA
8.00am - 7.00pm
 Kecuali Jumaat Kami Rehat Pada:
12.30pm - 3.30pm



Perniagaan laksa diberi nama Kilang Laksa Beris kerana kilang tersebut terletak di Kampung Beris ianya bersesuaian dengan nama lokasi dan mudah untuk orang ramai mencari lokasi kilang laksa tersebut. Kelulusan tapak kilang laksa ½ suku hektar bersamaan dengan 300 depa. Anggaran kos menyiapkan kilang tersebut RM 150,000. Tempoh untuk memperoleh pulangan modal yang dikeluarkan mengambil masa 2 tahun. Anggaran jualan laksa setiap hari dalam lingkungan 200-300 kg sehari manakala laksam pula 32kg tepung sehari.

Kilang laksa beris ini mempunyai tenaga kerja mahir seramai 3-7 orang. Pekerja – pekerja tersebut terdiri daripada pekerja tempatan, saudara mara, waris-waris serta orang kampung. Penjualan laksa bermula dari pukul 7 pagi hingga 7 malam. Operasi perniagaan selama 7 hari seminggu. Agihan jualan hanya tertumpu di kilang sahaja. Untuk mendapatkan bekalan laksa beris perlu mendapatkannya di kilang. Laksa Beris tidak diagihkan di kedai dan juga di pasar, kerana sekiranya diletakkan di kedai dan juga di pasar ianya memerlukan mark up harga. Harga sekilo laksa RM 2.50 manakala laksam RM 3.00 sekilo.

PERUSAHAAN BAULU

Mengikut sejarah orang-orang dahulu, perkataan BAHULU atau BAULU adalah datang dari frasa "buah tangan dari hulu". Ini kerana orang-orang dahulu menggunakan pengangkutan air sebagai jalan utama. Oleh kerana ketinggian budi orang Melayu, mereka sangat menghormati jiran tetangga dan saudara mara. Kuih bahulu dijadikan buah tangan dan menjadi medium pengerat hubungan sesama mereka.

Kuih bahulu yang juga dikenali sebagai 'mini sponge cakes' dalam bahasa Inggeris, adalah hidangan yang terkenal di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya semasa musim Tahun Baru Cina atau Hari Raya.



[Kuih](#) bahulu atau baulu merupakan sejenis makanan tradisional orang Melayu yang biasanya sangat terkenal terutamanya pada hari raya dan hari-hari keramaian. Walaupun demikian, sekarang ini kuih bahulu boleh didapati di pasaraya-pasaraya pada bila-bila masa kerana sambutan yang menggalakkan.

ASAL USUL KUIH BAHULU

Kuih bahulu merupakan kuih tradisional yang sudah lama terkenal di Malaysia ini. Kuih ini menjadi kelaziman bagi masyarakat kita untuk dihidangkan pada hari raya, majlis perkahwinan dan lain-lain majlis. Masa dahulu untuk membuat kuih bahulu mengambil masa yang lama dari kerja penyediaan adunan hingga proses pembakarannya.



Kuih Bahulu telah menjadi menu utama di dalam hidangan masyarakat Melayu pada hari-hari perayaan atau pada majlis-majlis kebesaran, seperti Hari Raya dan Majlis Perkahwinan.



Kemampuan menyediakan kuih bahulu yang baik dari segi rupa dan citarasa menjadi kebanggaan seseorang individu kerana ianya menjadi tumpuan kepada penggemar kuih bahulu.



CARA-CARA MEMBUAT KUIH BAHULU



Secara tradisional, ia dimasak di dalam acuan gangsa atas api arang (dengan penutupnya yang diletak arang di atasnya), yang memerlukan masa yang agak lama untuk ianya masak sepenuhnya. Kini, ia dimasak di dalam ketuhar, di mana ia menjimatkan masa dan tenaga. Acuan aluminium yang moden terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz, termasuklah bentuk bunga-bunga dan haiwan, yang digemari kanak-kanak.

Cara membuat ketiga-tiga jenis kuih bahulu tersebut agak mudah dan memerlukan resepi yang ringkas iaitu telur, tepung gandum, gula pasir, sedikit minyak masak/minyak sapi. Bahulu lapis dan gulung ditambah jem atau kaya. Cara pemrosesan kuih bahulu hanya memerlukan beberapa ramuan untuk menyediakan kuih bahulu ini. Teksturnya yang berspan datang dari pemukulan telur, dan dibantu dengan sedikit agen penaik. Dalam resepi ini, ia menggunakan soda penaik (soda bikarbonat), tetapi boleh juga menggunakan serbuk penaik jika tidak mempunyai soda penaik.

Selain itu, bahan-bahan lain termasuklah tepung biasa, gula kastor dan esen vanila. Jika inginkan kuih bahulu yang lebih ringan gebu, boleh menyidai tepung selama 2 jam atau mengeringkannya di dalam ketuhar (lebih kurang 120 C) selama 2 – 3 minit.

JENIS KUIH BAHULU

Secara amnya kuih bahulu terdiri daripada 3 jenis iaitu kuih bahulu kecil iaitu bahulu cermai, bahulu lapis dan bahulu gulung. Bahulu lapis dan bahulu gulung agak sukar didapati di pasaraya kerana perlu ditempah daripada pembuat kuih tradisional.,



PERUSAHAAN IKAN KERING

Perusahaan membuat ikan kering merupakan aktiviti yang sinonim dengan masyarakat di kawasan pesisiran pantai. Kegiatan ini banyak dilihat di kawasan melawi dan kawasan penempatan nelayan tradisional yang menjadikan ikan kering sebagai salah satu punca pendapatan mereka.

Kegiatan membuat ikan kering ini biasanya dibuat secara kecil-kecilan di kawasan rumah mereka. Ikan yang dihasilkannya biasanya dijual secara runcit kepada orang ramai dan juga ditolak secara borong kepada peraih ikan di sekitar Bachok.



Ikan kering merujuk kepada cara pengawetan ikan dengan merendamnya dalam air garam dan mengeringkannya. Ia merangkumi kesemua jenis ikan yang diproses dengan cara sebegini. Ikan kering boleh dikeringkan dengan cara dijemur bawah panas matahari atau melalui di salai di atas api yang perlahan.



JAWATANKUASA
PENYEDIAAN BUKU KELANTAN
DIHATIKU
BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM

PENAUANG:

Tn.Hj. Norazmi Bin Ibrahim

PENASIHAT:

Khairul Azwan Bin Khalid

PENYELARAS:

Muhamad Zainudin Bin Abdullah

KETUA EDITOR:

Noriha Bt Awang

AHLI JAWATANKUASA:

Zuhairee Bin Zulkifli
Wan Hafidzullah Bin Wan Yusoff
Nor Hajasmira Bt Jaafar

PEMBANTU:

Nurul Afatin Bt Ramli